

Sinar Harian
15 September 2019

Sun Life Malaysia sumbang 10 kerusi roda kepada PKRM

SUN Life Malaysia Assurance Berhad dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad, pembekal insurans hayat dan Takaful Keluarga menyumbangkan 10 kerusi roda kepada Persatuan Kesejahteraan Rakyat Malaysia (PKRM) bersempena dengan Hari Amal Antarabangsa 2019.

Sumbangan itu bagi menyokong program Bantuan Kerusi Roda Rakyat Malaysia (BKRRM) peringkat nasional.

Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Presiden Sun Life Malaysia, Raymond Lew berkata, pihaknya berbangga menyokong objektif kerajaan bersama dengan Kementerian

Kesihatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui program BKRRM bersempena dengan Hari Amal Antarabangsa pada tahun ini.

Menurutnya, tujuan Sun Life Malaysia memberikan sumbangan berkenaan adalah untuk membantu rakyat negara ini agar dapat hidup lebih sihat dari segi fizikal, mental dan kewangan.

“Sebagai warganegara korporat yang bertanggungjawab, kami ingin melakukan bahagian kami bagi membantu meringankan beban golongan yang kurang berasas baik dan memerlukan supaya mereka

dapat menjalani kehidupan yang lebih cerah,” katanya pada Program Bantuan Kerusi Roda Rakyat Malaysia (BKRRM) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Raymond berkata, Sun Life Malaysia sentiasa berusaha membawa kehidupan yang lebih baik kepada rakyat bagi mencapai keselamatan kewangan seumur hidup.

“Keamanan dan keselamatan kewangan pelanggan menjadi keutamaan kami.

“Justeru, kami komited melancarkan aktiviti dinamik dan bermakna, sekali gus menambah nilai kepada pelan insurans inovatif kami,” katanya.